

02 OCT 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN GUINEA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengirinkan ucapan tahniah kepada Presiden Guinea, Jeneral Lansana Conte, sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 negara itu hari ini.

Dalam perutusan yang dihantar menerusi Wisma Putra hari ini, Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menyampaikan ucapan tahniah kepada Presiden Conte, kerajaan dan rakyat Guinea.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Presiden Conte berkata rakyat Guinea boleh berbangga dengan pembangunan pesat negara itu sejak mencapai kemerdekaan.

"Saya berharap hubungan dan kerjasama rapat antara Malaysia dan Guinea akan terus berkembang dalam beberapa bidang bagi kemakmuran ekonomi rakyat kedua-dua negara," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Lamine Kamara, berkata beliau berpuas hati dengan hubungan dua hala antara Malaysia dan Guinea yang semakin baik.

-- BERNAMA

HAK RHM